

Selamat mengundi warga kampus

UB 30.10.2013 B4

BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

SABAN tahun pemilihan majlis perwakilan pelajar di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam diadakan. Pemilihan ini berlaku setelah setelah genap setahun dalam memilih wakil-wakil pelajar di peringkat sekolah dan juga peringkat umum di dalam kampus.

Pemilihan ini diadakan adalah untuk melantik wakil-wakil pelajar dalam menyampaikan setiap permasalahan pelajar ke peringkat pengurusan universiti dan menyalurkan maklumat daripada pengurusan universiti kepada pelajar-pelajar di kampus. Pada asasnya peranannya adalah sedemikian rupa. Namun realitinya peranan majlis perwakilan pelajar pada masa

kini amat besar dan berpengaruh kepada senario politik semasa.

Hari ini, pelajar memang diberikan peranan dalam kehidupan institusi tetapi tidak diperkasakan untuk memainkan peranan dalam pembuatan keputusan-keputusan penting. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan tentang kepentingan pelajar untuk menyertai persatuan. Melalui penyertaan seperti ini kepentingan pelajar akan mendapat perhatian yang lebih serius kerana mereka juga dapat berfungsi sebagai sebahagian daripada governan universiti. Penyertaan pelajar dalam governan universiti boleh berlaku dalam berbagai bentuk dan dapat memenuhi berbagai tujuan. Yang paling mustahak adalah mereka dapat menjadi satu sistem check and balance dengan pihak pengurusan fakulti atau universiti. Kuh, Schuh, Whitt,

Andreas, Lyons, Strange, Krehbil & Mc Kay (1991) mengatakan "pelajar yang terlibat secara aktif dalam akademik dan bukan akademik mendapat pengalaman kolej yang lebih bermanfaat berbanding dengan mereka yang tidak terlibat". Penyelidikan yang menunjukkan kebaikan menyertai persatuan adalah konsisten sejak 20 tahun yang lepas (Astin 1977).

Selain itu, Pascarella & Terenzini (1991), telah mengkatelogan banyak penyelidikan yang menunjukkan korelasi antara penglibatan dalam akademik dan persatuan dengan kejayaan pelajar. Boleh dikatakan bahawa universiti merupakan tempat latihan untuk pelajar dalam menyediakan diri bagi menghadapi masyarakat. Pelajar yang berpeluang menjawat jawatan dalam persatuan sebenarnya menerima latihan praktikal untuk maju dalam

kerjaya di peringkat kepimpinan. Tahap penglibatan pelajar dalam governan universiti pula bergantung kepada berbagai faktor, antaranya tahap komitmen kepada institusi, motiyasi untuk menyertainya, budaya universiti, jangkaan komuniti, jangkaan ibu bapa dan lain-lain lagi. Namun begitu bukan semua wakil majlis kepimpinan pelajar berminat sepanjang masa untuk mengambil tahu dan memainkan peranan mereka sebagai wakil pelajar.

Walaupun bagaimanapun sebagai wakil pelajar harus berpaksikan kepada tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakan-rakan seperjuangan dalam membela, menjaga kebajikan dan menyampaikan maklumat kepada pihak pengurusan universiti dan juga menyalurkan kembali maklumat kepada rakan-rakan seperjuangan di kampus. Oleh sebab itu banyak

kos terpaksa ditanggung oleh pihak universiti dalam mendidik melatih, menyediakan prasarana dan sebagainya kepada para pelajar tersebut yang boleh digunapakai semasa menjadi wakil pelajar dan juga selepas belajar. Keadaan ini boleh dikira sebagai bonus semasa belajar kerana selain mendapat ilmu di dalam dewan kuliah, mereka juga dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan yang lain sepanjang bergelar wakil pelajar. Justeru itu setiap wakil pelajar harus bersedia memikul tanggungjawab rakan-rakan seperjuangan, menjaga nama baik universiti dan negara kerana sebagai wakil pelajar sudah tentu ramai yang akan memerhati akhlak, perilaku, keputusan peperiksaan, percakapan, pergaulan dan sebagainya. Lantaran itu ambil pendekatan wasotiyah dalam memperjuangkan kebajikan rakan-rakan seperjuangan

dan elakkan menjadi kuda tunggangan ahli-ahli politik yang sentiasa menanti peluang untuk kepentingan peribadi mereka.

Penglibatan pelajar dalam proses membuat keputusan di universiti dan kolej boleh dijejak kepada bermulanya pengajian tinggi dan pembentukan student nations di Bologna. Daripada permulaan yang begitu memberangsangkan, pemerksaan pelajar makin berkurangan selaras dengan evolusi yang dialami oleh universiti yang pada masa ini lebih berbentuk business enterprise. Pemerksaan pelajar dan penglibatan mereka dalam proses membuat keputusan hanya berlaku pada tahun 1970 an di mana academic freedom merupakan istilah dan konsep yang benar-benar dilaksanakan (Zaharah Hassan dan Abu Daud Silong, 2008).

*Pegawai Psikologi HEP UMS